

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]

SOALAN :

YB Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah perancangan untuk menjadikan Labuan sebagai lokasi pusat Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM) bagi kawasan merangkumi perairan Sabah, Labuan dan Sarawak.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, APMM telah mula beroperasi pada tahun 2006 di Sarawak dan Sabah. Di Sarawak terdapat tiga (3) buah Daerah Maritim iaitu di Kuching, Bintulu dan Miri manakala sebuah Pangkalan Maritim di Tanjung Manis, Mukah. Untuk Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan pula terdapat lima (5) buah Daerah Maritim iaitu di Pulau Labuan, Kota Kinabalu, Kudat, Sandakan dan Tawau manakala lima (5) buah Pangkalan Hadapan Maritim di Beluran, Felda Sahabat, Semporna dan Inderasabah dan Pengkalan Lahad Datu. APMM sedang berusaha menubuhkan Pengkalan Udara Maritim di Kota Kinabalu, Sabah dan Kuching, Sarawak. Di dalam perancangan Strategik APMM 2040 beberapa Pangkalan Maritim telah dirancang bagi memantapkan pengawasan di sepanjang perairan negara.

Sekian. Terima kasih.